

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1441-MQT1270
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah keseluruhan projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan negeri sehingga tahun 2021 dan apakah punca sebenar ianya berlaku serta apakah penyelesaian Kementerian terhadap perkara ini.

2. PR-1441-MQT1291
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan butiran proses perolehan kit ujian sendiri untuk sekolah-sekolah termasuk kos yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian.

3. PR-1441-MQT1297
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan justifikasi dan alasan penangguhan penguatkuasaan Garis Panduan Lesen Minuman Keras (LMK) oleh DBKL yang tidak membenarkan penjualan arak (*liquor*) di kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai ubat Cina bermula 1 Oktober 2021.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12202
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi jangka panjang Kementerian bagi mengatasi peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan rakyat akibat daripada tekanan yang dihadapi dalam tempoh pandemik ini.

2. PR-1441-L11775
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah OPS Naga masih diteruskan bagi menyelamatkan hasil negara dan membela nasib nelayan terutama dalam mendepani krisis COVID-19.

3. PR-1441-L12337
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan agar sebuah jalan darat dibina untuk menghubungkan Kampung Paloh, Kampung Kedang, Rumah Panjang Berangan dan Rumah Panjang Stalun dengan jalan utama Sibu - Bandar Baru Tanjung Manis dan memasukkan cadangan jalan tersebut ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12, memandangkan jalan penghubung ini sangat penting kepada kampung-kampung atau rumah panjang yang terpencil ini.

4. PR-1441-L12361
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan Kampung Baru yang telah disalurkan pada tahun 2021 setakat ini. Berapakah projek kecil telah dilaksanakan.
5. PR-1441-L12272
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan semasa pembangunan vaksin COVID-19 pertama negara yang telah dimulakan sejak November tahun lepas.
6. PR-1441-L11510
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan rancangan pemulihan untuk sektor industri mikro khususnya peniaga-peniaga kecil di mana perniagaan mereka telah lama ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
7. PR-1441-L12241
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan impak segera terhadap pasaran buruh negara daripada pelaksanaan Program Subsidi Upah 4.0, Penjana Kerjaya 3.0 serta insentif Elaun Mencari Pekerjaan yang terkandung dalam pakej bantuan PEMULIH.
8. PR-1441-L12569
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa ujian saringan mudah (RTK-Ag) yang boleh dibeli tidak diintegrasikan dengan aplikasi Mysejahtera, untuk mengetahui keputusan ujian tersebut untuk membantu KKM mengesan jumlah peratus positif yang sebenarnya.
9. PR-1441-L12130
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) sejauh mana keberkesanan usaha yang telah dijalankan bagi membendung sindiket jenayah pemalsuan kad pengenalan; dan
 - (b) apakah terdapat sebarang usaha oleh pihak Kementerian untuk memperbaharui kad pengenalan dengan ciri-ciri keselamatan lebih canggih bagi menangani isu pemalsuan dan penyalahgunaan MyKad .

10. PR-1441-L(5)00091

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengawal harga caj komisen yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penghantar makanan seperti *GrabFood* yang mengenakan caj sehingga 30% kepada kedai-kedai.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

11. PR-1441-L(5)00083

Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah Tabika Kemas di Sarawak dan berapa jumlah yang perlu dibaik pulih segera dan sejauh mana tindakan Kementerian dalam memastikan Tabika Kemas ini sentiasa diselenggara dan dapat beroperasi dengan selamat dan kondusif. Dan daripada jumlah berkenaan berapa jumlah Tabika Kemas yang terlibat di kawasan Parlimen Igan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

12. PR-1441-L(5)00088

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan PBT memantau pekerja-pekerja pemungut sampah yang dijangkiti COVID-19 kerana ada kawasan yang sampahnya tidak dikutip selama sehari-hari kerana ramai pekerja pemungut sampah dan pemandu lori sampah dijangkiti COVID-19.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

13. PR-1441-L11554

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji siling harga Kit Ujian Kendiri COVID-19 dan menetapkan harga pada sekitar RM15 ke bawah memandangkan harga ketika ini sangat mahal dan apakah tindakan Kementerian mengenai penjualan *Pulse Oximeter* palsu di pasaran.

14. PR-1441-L12400

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian kepada majikan yang tidak bayar gaji pekerja (pada hari kes) akibat kilang atau tempat kerja tutup kerana berlaku kes COVID-19. Apakah tindakan atau tuntutan yang boleh diambil oleh para pekerja yang mengalami kerugian atau pemotongan gaji sedangkan mereka sihat dan bersedia untuk bekerja.

15. PR-1441-L11617
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah pelajar-pelajar Orang Asli yang ketiadaan kemudahan dan capaian internet yang lemah untuk mereka melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
16. PR-1441-L11838
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju dan jumlah kerugian yang dialami oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sejak ianya ditubuhkan pada Julai 2011. Berapa jumlah kewangan yang telah disalurkan kepada Perbadanan PR1MA untuk menampung operasi projek PR1MA ini.
17. PR-1441-L11694
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penyebab kenaikan harga minyak masak yang ketara dan membebankan pengguna serta tindakan Kementerian bagi mengawal agar harga tidak terus meningkat lagi.
18. PR-1441-L11655
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk penyelesaian yang telah dilaksanakan terhadap sistem rawatan COVID-19 di negeri Sabah dalam aspek:-
(a) kecukupan silinder oksigen di wad ICU; dan
(b) kepadatan wad ICU mengikut hospital serta jumlah pesakit COVID-19 tahap 4 dan 5 yang gagal dirawat secara berfokus di wad ICU.
19. PR-1441-L12329
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah tarikh pembinaan balai bomba Engkilili/Lubok Antu seperti yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dimulakan.
20. PR-1441-L11585
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa rekod kelahiran kanak-kanak telah disenaraihitamkan atas pemalsuan maklumat kelahiran dan berapa kes yang sudah selesai siasatan atau sedang dalam siasatan serta berapa masih belum dikesan ibu bapa untuk tujuan siasatan.

21. PR-1441-L11447
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis varian COVID-19 yang terdapat di Malaysia dan nyatakan varian COVID-19 yang paling dominan di negara ini dan setakat manakah kejayaan Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung, mengawal dan merawat pandemik COVID-19 serta langkah dan pelan tindakan (*plan of action*) Kerajaan seterusnya bagi memerangi pandemik COVID-19 ini secara lebih efektif.
22. PR-1441-L11624
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai kadar pengangguran di negara bagi tahun 2020 dan bagi tahun 2021 sehingga suku kedua mengikut umur (20-24 tahun, 25-29 tahun, 30-34 tahun dan 35-64 tahun).
23. PR-1441-L12584
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan dari penduduk di negeri Sarawak yang telah diluluskan dalam tahun 2019, 2020 dan 2021 dan berapa permohonan yang masih belum diluluskan oleh Kementerian. Apakah langkah yang akan diambalkan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan kelulusan permohonan tersebut.
24. PR-1441-L11679
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan kajian klinikal vaksin untuk COVID-19 serta aspek keberkesanan, aspek keselamatan dan aspek kesesuaian vaksin kepada rakyat, yang telah dan sedang dikaji di negara kita. Bilakah vaksin hasil kajian klinikal ini dijangka diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan apakah nama rasmi bagi vaksin tersebut serta bilakah suntikan vaksin tersebut akan dimulakan .
25. PR-1441-L12557
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa *listing* kematian yang dahulunya diberi melalui sesawang KP Kesihatan secara *line-listing* kini tidak diberikan. Ini termasuk angka umur mereka dan komorbid yang mereka ada secara individu.

26. PR-1441-L11613
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan perancangan penubuhan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli bagi tujuan meningkatkan pembangunan sosioekonomi mereka.
27. PR-1441-L12029
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan lanjut berkenaan dengan penyelidikan 3 jenis dadah yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk dijadikan ubat COVID-19 di Malaysia, berapa ramaikah pesakit yang terlibat dan adakah ianya dibuat secara sukarela.
28. PR-1441-L12517
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Pasir Gudang dijangka dapat disiapkan dan mula beroperasi.
29. PR-1441-L12343
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan untuk membina sebuah balai polis di Kawasan Pulau Bruit untuk membendung masalah penagihan dadah yang amat membimbangkan dalam kalangan remaja dan belia di kawasan tersebut.
30. PR-1441-L11893
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah syarikat perniagaan ditutup semasa wabak COVID-19. Apakah rancangan Kementerian untuk membantu mereka.
31. PR-1441-L12561
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes bunuh yang melibatkan mangsa wanita yang pernah membuat laporan polis mereka didera atau dihendap sebelum dibunuh mengikut pecahan negeri dan tahun dari tahun 2015 sehingga kini serta apakah status pindaan Kanun Keseksaan untuk mejenyahkan aktiviti menghendap (*stalking*).
32. PR-1441-L11896
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan pekerja asing yang teruk terutamanya dalam sektor pertanian dan perladangan.

33. PR-1441-L12074
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah projek pembangunan Kementerian yang telah dilaksanakan di Parlimen Pasir Mas semenjak penubuhan Kerajaan Perikatan Nasional dan berapa jumlah kos yang terlibat.
34. PR-1441-L12004
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka panjang yang akan diambil Kementerian untuk memulihkan sistem kesihatan awam selepas pandemik COVID-19 reda.
35. PR-1441-L11857
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kesihatan mental termasuk masalah bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan muda yang semakin meningkat akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang diperintahkan oleh Kerajaan.
36. PR-1441-L12280
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat meletakkan harga siling bagi alat ujian saringan sendiri COVID-19, serta hasil kajian harga semasa alat ujian sendiri tersebut.
37. PR-1441-L11751
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan merupakan pilihan yang paling sesuai untuk golongan ibu yang berwarganegara Malaysia memandangkan dari tahun 2013 hingga 2018 hanya 3% permohonan sahaja yang telah diluluskan. Apakah penyelesaian lanjut yang dapat ditawarkan oleh pihak Kementerian kepada golongan ibu ini.
38. PR-1441-L11758
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan memberikan bantuan khas kepada bekas pesakit COVID-19 yang tidak dapat meneruskan pekerjaan seperti biasa atau hilang upaya kekal.

39. PR-1441-L12354
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kekurangan pekerja di sektor perladangan dan pertanian dan langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di sektor perladangan sawit dan sektor pertanian yang menyebabkan kerugian berbilion-bilion ringgit.
40. PR-1441-L11766
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi dan strategi Kementerian dalam penambahbaikan fasiliti dan kemudahan pusat-pusat kesihatan bagi menampung pesakit bukan COVID-19 yang memerlukan perkhidmatan kesihatan segera berikutan banyak yang dijadikan Hospital COVID-19 penuh, serta menghindar jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit bukan COVID-19.
41. PR-1441-L12355
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dasar baru pengambilan pekerja asing ke Malaysia. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan terhadap beribu-ribu tahanan PATI yang sudah menjalani hukuman tetapi masih berada dalam tahanan.
42. PR-1441-L11467
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bidang tanggungjawab bagi setiap seorang Timbalan Menteri dalam memandu Kementerian menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan perihal kesihatan awam sejak bermulanya pentadbiran Kerajaan Persekutuan baharu pada Mac tahun lalu.
43. PR-1441-L12201
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Hospital Parit Buntar dan bilakah pembinaan hospital ini dapat disiapkan setelah beberapa kali berlaku kelewatan dari jadual asal.
44. PR-1441-L11856
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu penurunan kadar upah graduan baharu seperti yang dilaporkan baru-baru ini yang mana boleh menyebabkan *brain drain* dalam negara kita bertambah teruk lagi.

45. PR-1441-L12512
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah berlakunya kadar penularan wabak penyakit COVID-19 yang tinggi di sektor perindustrian sedangkan pelbagai undang-undang telah digubal dan sedia berkuatkuasa di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.
46. PR-1441-L12302
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah pihak Kementerian bersedia untuk memperakui dan mengiktiraf rakyat Malaysia yang mendapatkan suntikan vaksin mereka di luar negara Malaysia; dan
 - (b) bagaimana mereka ini diiktiraf atau diberikan salinan sijil digital di aplikasi MySejahtera sedangkan mereka tidak menerima suntikan di dalam negara.
47. PR-1441-L11573
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap keberkesanan pengambilan dos *booster* vaksin bagi mencegah pelbagai varian COVID-19 yang semakin mengganas serta apakah kesediaan negara dan mekanisma untuk melaksanakan pengambilan dos *booster* tersebut.
48. PR-1441-L11915
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan orang yang kehilangan kerja mengikut pecahan setiap PKP berdasarkan tarikh PKP tersebut sehingga kini.
49. PR-1441-L11670
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan individu yang telah meninggal dunia di negara kita akibat jangkitan wabak COVID-19 walaupun telah disuntik dengan dua dos suntikan vaksin .
50. PR-1441-L12226
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Projek Pembinaan Jambatan Kampung Selampit di Mas Gading, kos projek, bilakah akan dimulakan dan dijangka siap.

51. PR-1441-L11823
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa dan inisiatif Kementerian dan bantuan khusus untuk membantu mereka meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.
52. PR-1441-L12189
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apa terjadi dengan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE)* dan *MyTrace*. Berapakah kos. Berapakah peratus kes positif yang dikenal pasti oleh *contact tracing* dari sistem-sistem pengurusan pangkalan data yang dibangunkan oleh Kerajaan termasuk MySejahtera.
53. PR-1441-L(5)00082
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah yang bakal dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian ini selaras dengan konsep "Keluarga Malaysia".

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

54. PR-1441-L11930
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kapasiti ujian genomik COVID-19 seharian, kadar penggunaan ujian genomik sebulan dari Januari hingga Ogos 2021, cara dan kriteria pemilihan sampel ujian. Sila nyatakan punca-punca kadar ujian saringan dan ujian genomik COVID-19 tidak dimaksimumkan mengikut cadangan WHO dan kapasiti masing-masing.
55. PR-1441-L11865
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang berkesan telah diambil untuk membanteras judi tidak berlesen yang berleluasa dan memberi impak negatif kepada masalah sosial.
56. PR-1441-L11853
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju/perancangan bagi memastikan tiada salah guna berhubung pemilikan rumah jenis mampu milik yang kini banyak disewakan. Adakah klausa serta undang-undang khas akan diwujudkan. Jika tidak, nyatakan apa rasionalnya dan jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

57. PR-1441-L11746
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa banyak syarikat telah ditutup dan pekerja yang diberhentikan sejak awal pandemik dan apakah pelan pemulihan ekonomi untuk menangani perkara ini.
58. PR-1441-L12360
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) kesediaan Kerajaan membentuk jaringan keselamatan sosial berpusat meliputi semua segmen menerusi pendaftaran automatik; dan
 - (b) komitmen Kerajaan membentangkan RUU baru bagi mengawal aspek bayaran, keadaan, kontrak, pengurusan, dan perwakilan adil bagi semua pekerja, termasuk pekerja gig, pekerja kontrak dan sambilan.
59. PR-1441-L11995
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa kadar pengangguran belia yang menganggur di bandar berbanding dengan kawasan luar bandar dan langkah-langkah baru Kementerian yang diambil bagi menangani jurang perbezaan kadar pengangguran belia di bandar dan luar bandar.
60. PR-1441-L12563
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) telah dimasukkan mengikut pecahan tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 dan bilangan permohonan yang diluluskan, ditolak serta penjelasan mengapa kadar pemprosesan permohonan kewarganegaraan kurang memuaskan mengikut pencapaian piagam pelanggan Kementerian Dalam Negeri.
61. PR-1441-L12417
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang menyertai ekonomi gig sebelum dan selepas pandemik, dan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi memastikan jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang bekerja di ekonomi gig dibela sepenuhnya.

62. PR-1441-L(5)00095

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap orang yang menghina pemain badminton wanita negara, S. Kisona, dengan komen berbau perkauman.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

63. PR-1441-L12605

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Polis Diraja Malaysia untuk memanggil dan menyoal siasat peserta di dalam perhimpunan **LAWAN** serta komitmen Kerajaan untuk mempertahankan hak rakyat untuk bersuara secara aman.

64. PR-1441-L11684

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian akan mengurangkan harga siling bagi *self-test kit* COVID-19 antigen yang kini dibiarkan sekitar RM39.90. Apakah Kementerian bercadang untuk memberikan subsidi bagi pembelian *test kit* ini yang jauh lebih murah dari ujian RT-PCR/RTK dan penggunaan akan kian meningkat.

65. PR-1441-L11744

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab mengapa *Ivermectin* tidak dapat diberi kebenaran kecemasan seperti yang telah dilakukan untuk vaksin-vaksin seperti AstraZeneca, Pfizer dan Sinovac.

66. PR-1441-L11638

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan terkini golongan tanpa kerakyatan (*stateless*) di Malaysia, angka mereka mengikut kumpulan umur di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberikan kerakyatan kepada golongan tanpa kerakyatan yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa rakyat Malaysia.

67. PR-1441-L(5)00079

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci :-

- (a) jumlah yang kehilangan pekerjaan sewaktu pandemik di dalam sektor formal dan tidak formal; dan
- (b) pecahan maklumat mengikut latar belakang negeri, umur, jantina, bidang pekerjaan, jumlah isi rumah dan status perkahwinan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

68. PR-1441-L11737
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah sewa rumah tertunggak di kalangan rakyat yang hilang punca pendapatan kerana pandemik COVID-19; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang melaksanakan dasar antipengusiran sementara (*temporary eviction moratorium*) untuk mengawal masalah ini.
69. PR-1441-L12034
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan dengan terperinci cadangan Kementerian untuk membina semula infrastruktur terutamanya jambatan gantung atau jambatan kampung di daerah Tenom, khususnya kampung-kampung yang terlibat dengan banjir besar pada bulan Mei, 2021.
70. PR-1441-L12455
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status permohonan membekal vaksin Sinopharm ke Sabah oleh Syarikat Kanger International Berhad dan adakah kebenaran telah diperoleh daripada agensi National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).
71. PR-1441-L12446
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada semua kompaun-kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai polis, pegawai Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Kesihatan telah mendapat persetujuan Pendakwa Raya dibawah Seksyen 25 Akta 342 seperti yang dipinda oleh Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit)(Pindaan) 2021.
72. PR-1441-L11981
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memulakan pemberian vaksinasi COVID-19 untuk mereka yang berusia 12 tahun dan ke atas bagi memastikan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dapat dibuka semula dengan selamat.

73. PR-1441-L(5)00090

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan dengan kenyataan Menteri Dalam Negeri bertarikh 11 April 2014 atas isu pemegang pasport British Overseas Citizen (BOC), berapa jumlah pemegang pasport tersebut yang telah diberi Pas Residen dan Permit Masuk/Taraf Pemastautin Tetap sejak tahun 2014.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

74. PR-1441-L11541

Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil *Operation Surge Capacity* (OSC) di Lembah Klang dan sejauh mana keberkesanan operasi ini untuk mengurangkan jumlah kes COVID-19 di Lembah Klang.

75. PR-1441-L12485

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah sebenar duit Kerajaan telah dibelanja untuk pembelian vaksin COVID-19 dan bilangan vaksin mengikut jenama vaksin. Senaraikan juga jumlah vaksin yang diderma oleh negara-negara luar kepada negara kita.

76. PR-1441-L(5)00093

Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes Dato Sri Nicky Liow, serta 34 anggota polis yang didakwa "dibela" oleh beliau. Apakah tindakan yang diambil terhadap anggota polis yang terlibat.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

77. PR-1441-L11558

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status terkini inisiatif pemulihan sektor dagangan kepada negeri-negeri akibat COVID-19.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2021.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [6 Oktober 2021]

- | | | |
|--------------------|---|-------------------------------|
| 2. (D.R 3/2021) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 3. (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | " |
| | [Menteri Kewangan] | |
| 4. (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
6. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "
- [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]**
7. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "
- [Menteri Dalam Negeri]**
8. (D.R 2/2021) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "
- [Menteri Kewangan]**
9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".
11. PR-1441-U(27)201
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-
- "Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."
- [Perdana Menteri]**

12. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

| No | Portfolio Menteri | PSSC Sepadan Diperlukan |
|-----------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1 | JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak | Federalisme dan Desentralisasi* |
| 2 | JPM - Hal Ehwal Agama | Hal Ehwal Agama* |
| 3 | Hal Ehwal Luar Negeri | Hal Ehwal Luar Negeri |
| 4 | Alam Sekitar dan Air | Alam Sekitar dan Air |
| 5 | Tenaga dan Sumber Asli | Tenaga dan Sumber Asli |
| 6 | Pengangkutan | Pengangkutan** |
| 7 | Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Perumahan dan Kerajaan Tempatan** |
| 8 | Wilayah Persekutuan | Wilayah Persekutuan |
| 9 | Sumber Manusia | Sumber Manusia |
| 10 | Komunikasi dan Multimedia | Komunikasi dan Multimedia |
| 11 | Belia dan Sukan | Belia dan Sukan |
| 12 | Pelancongan, Seni dan Budaya | Pelancongan, Seni dan Budaya |
| 13 | Perpaduan Negara | Perpaduan Negara |
| 14 | Pembangunan Usahawan dan Koperasi | Pembangunan Usahawan dan Koperasi |

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2021</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 133 | Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2019 | 7 Oktober 2021 |
| ST. 160 | AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020 Perintah Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2020 P.U.(A) 386/2020 yang diwartakan pada 29 Disember 2020 | 7 Oktober 2021 |
| ST. 161 | AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020 Perintah Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2021 P.U.(A) 121/2021 yang diwartakan pada 19 Mac 2021 | 7 Oktober 2021 |
| ST. 162 | AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020 Perintah Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No.2) 2021 P.U.(A) 287/2021 yang diwartakan pada 30 Jun 2021 | 7 Oktober 2021 |

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|---------------------------|--|---|--------------------------------------|
| 1. 07.10.2021 (Khamis) | 1. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) | 1. Minta Kementerian Sumber Manusia Menyelesaikan Masalah Keputusan Mahkamah Perusahaan Yang Tidak Adil Terhadap Pekerja Yang Hilang Pekerjaan Dasar Saringan | 1. YB Menteri Sumber Manusia |
| 2. 07.10.2021 (Khamis) | 2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka) | 2. COVID-19 Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia | 2. YB Menteri Kesihatan |

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**